

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG  
[BUKIT MERTAJAM]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha yang diambil pihak Kementerian dalam memastikan industri sukan berkembang di tahap optimum. Berapakah pendapatan negara yang telah dijana melalui industri sukan setiap tahun sejak 2008.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Nilai global industri sukan dunia dianggarkan AS\$756 bilion (RM3.2 trilion) setiap tahun. COVID-19 menyebabkan jutaan pekerja kehilangan sumber pendapatan termasuk mereka bergiat secara profesional dalam sukan, perniagaan runcit sukan, pembekal, perkhidmatan industri sukan berteraskan liga atau kejohanan seperti perkhidmatan pelancongan sukan, pengangkutan, infrastruktur, katering dan media penyiaran.

2. Dalam kita mendepani situasi industri sukan yang kian mencabar kini, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mencari pendekatan yang terbaik bagi memastikan sektor sukan terus berada di landasannya. Pembangunan industri sukan merupakan salah satu fokus utama KBS

dalam memastikan penggiat-penggiat industri sukan yang terjejas akibat penularan COVID-19 ini diberikan bantuan yang sewajarnya.

3. Pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil langkah proaktif bagi membantu penggiat sukan di Malaysia terutamanya para pemegang taruh dalam kalangan persatuan-persatuan sukan tanah air yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) merangkumi:

- (i) Bantuan pengurusan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan sahaja yang berdaftar di bawah PJS (RM2 juta)**

Bantuan pengurusan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan yang berkelayakan akan diberikan bantuan “one-off” RM5,000.00 hingga RM10,000.00 dan dijangka memberikan manfaat kepada hampir 200 Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan di seluruh negara.

- (ii) Bantuan menjalankan program dan aktiviti bagi persatuan sukan dan rekreasi di semua peringkat terbuka kepada semua persatuan sukan yang berdaftar di bawah PJS (RM5 juta).**

Bantuan menjalankan program dan aktiviti bagi persatuan sukan dan rekreasi di semua peringkat adalah terbuka kepada semua persatuan sukan yang berdaftar di bawah PJS bagi menggalakkan program dan aktiviti semasa dan pasca PKPB umpamanya seperti program cabaran virtual, pembelajaran dalam talian dan sebagainya terhad kepada jumlah maksima RM20,000 setiap persatuan yang layak.

- (iii) Bantuan program pendigitalan dan R&D persatuan sukan dan rekreasi di semua peringkat terbuka kepada semua persatuan sukan yang berdaftar di bawah PJS (RM3 juta)**

Bantuan program pendigitalan dan R&D persatuan sukan dan rekreasi di semua peringkat adalah juga terbuka kepada semua persatuan sukan yang berdaftar di bawah PJS bagi menggalakan projek-projek pendigitalan seperti pembangunan laman web/ media sosial, kandungan media digital seperti video, dan sebagainya. Persatuan-persatuan sukan juga boleh mencadangkan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk inovasi, teknologi sukan atau untuk tujuan pengkomersilan produk/ perkhidmatan sukan masing-masing, termasuk dengan kerjasama universiti, agensi berkaitan dan pihak swasta. Jumlah maksima yang boleh dipohon adalah RM30,000 setiap persatuan yang layak untuk kategori program pendigitalan atau R&D.

4. Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu meringan beban penggiat industri antaranya dengan penyediaan SOP Sukan dan Rekreasi melalui sesi libat urus komprehensif dengan penggiat industri seperti pengusaha fasiliti gimnasium, bola sepak, futsal, kolam renang termasuk hotel serta agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan. Ia dilaksanakan bagi membolehkan industri sukan dapat digerakkan dengan bersistematik dengan mengambil kira normal baharu yang perlu diamalkan.
5. Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan, dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan pada dasarnya masih belum mempunyai instrumen yang komprehensif seperti Akaun Satelit Sukan dalam mendapatkan nilai pendapatan negara yang telah dijana melalui industri sukan setiap tahun sejak 2008.
6. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa melaksanakan inisiatif-inisiatif yang bersistematik dalam mendapatkan data-data sukan yang sah melalui kerjasama silang antara Kementerian dan agensi serta dapatan-dapatan kajian yang berkaitan.
7. Sebagai contoh, dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik dari Universiti of Stirling mandapati bahawa berdasarkan

## **NO. SOALAN : 16**

bancian isi rumah pada tahun 2009 didapati sumbangan atau nilai tambah sektor sukan kepada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara adalah bernilai 1.3% bersamaan RM6.5 bilion. Sebelum ini Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menjalankan kajian yang sama pada tahun 2005.

8. Selain itu, melalui dapatan statistik yang didapati daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai import barang sukan bagi tempoh 2010 hingga 2016 adalah berjumlah RM3,731.79 juta secara keseluruhannya. Manakala nilai eksport pula menunjukkan jumlah yang memberangsangkan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,500.16 juta untuk tahun 2010 hingga 2016.

9. Pihak Kementerian turut merujuk data yang didapati daripada Akaun Satelit Pelancongan bagi guna tenaga Perkhidmatan Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi bagi tahun 2010 hingga 2015. Didapati jumlah guna tenaga yang telah dijanakan secara purata setiap tahun adalah kira-kira 80.78 ribu orang. Di samping itu, pihak Kementerian juga mendapati jumlah perbelanjaan pelancongan domestik bagi pelawat harian untuk Perkhidmatan Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi bagi tempoh sama turut menunjukkan peningkatan iaitu RM 227.5 juta bagi tahun 2010 dan bagi tahun 2015 meningkat ke RM 483.5 juta.

Sekian , terima kasih.